



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROJEK RINTIS DASAR GAJI PROGRESIF

1. Dasar Gaji Progresif (DGP) merupakan komitmen Kerajaan bagi mereformasi pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan pekerja selari dengan peningkatan produktiviti. Pengenalan dasar baru ini akan menjadi pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu Perintah Gaji Minimum dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (*Productivity Linked-Wage System - PLWS*). Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan **projek rintis DGP mulai Jun 2024 hingga Ogos 2024**.
2. **Sejumlah RM 50 juta telah diperuntukkan** untuk projek rintis DGP yang akan melibatkan sebanyak 1,000 majikan.
3. Syarikat yang berminat untuk menyertai DGP boleh mendaftar secara suka rela melalui Portal Dasar Gaji Progresif (<https://gajiprogresif.gov.my>) mulai 15 Mei 2024.
4. Syarikat yang terpilih akan menerima insentif berjumlah maksimum RM200 sebulan bagi setiap pekerja untuk kumpulan peringkat permulaan manakala maksimum RM300 sebulan bagi setiap pekerja untuk kumpulan bukan peringkat permulaan.
5. Pekerja peringkat permulaan bermaksud pekerja yang berkhidmat dalam tahun pertama di syarikat dan jawatan tersebut. Manakala pekerja bukan peringkat permulaan bermaksud pekerja yang telah mengisi jawatan di syarikat lebih daripada setahun. Tuntutan insentif boleh dibuat oleh majikan mulai Jun 2024.

6. Kenaikan gaji perlu seiring dengan peningkatan tahap kemahiran dan keberhasilan pekerja. Syarikat yang menyertai DGP perlu menyediakan dokumen yang mengesahkan bahawa pekerja telah menghadiri dan melengkapkan kursus dan latihan peningkatan kemahiran sekurang-kurangnya selama 21 jam (3 hari).
7. Buat masa ini pelaksanaan projek rintis DGP dibuka kepada sektor berikut:
 - a. Pembinaan
 - b. Pembuatan
 - c. Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal
 - d. Maklumat dan komunikasi
 - e. Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal.
8. Maklumat lanjut tentang DGP juga boleh diperoleh dengan melayari Portal Dasar Gaji Progresif (<https://gajiprogresif.gov.my>)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
16 MEI 2024